

***Sayangi
Malaysiaku***



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

Mendukung cita-cita hendak:

- Mencapai perpaduan yang lebih dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak; dan
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN;
- KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA;
- KELUHURAN PERLEMBAGAAN;
- KEDAULATAN UNDANG-UNDANG;
- KESOPANAN DAN KESUSILAAN

PENYELARAS :- SAIDATULAINI BT. MOHAMED YUSOFF

KANDUNGAN

Pengenalan	4
Inilah Malaysia	6
Malaysia Progresif	8
Tema Dan Rasional Logo	17
Hari Kebangsaan	
Sambutan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2018	18
Jom Kibar Jalur Gemilang!	24
Malaysia di Persada Antarabangsa	26




Kronologi Kemerdekaan Negara	27
Penubuhan Malaysia	30
Sajak Patriotik Merdeka	33



PENGENALAN

Malaysia sebuah negara yang unik serta terkenal dengan kepelbagaian kaum, budaya dan adat resam. Masyarakat Malaysia berkongsi persamaan terutamanya dari segi norma-norma dan nilai-nilai sejagat kehidupan yang membawa satu mesej yang sama iaitu kepentingan masyarakat berbilang kaum, budaya dan agama di negara ini agar hidup bersatu-padu, saling menghormati dan bertolak ansur.



Perpaduan yang terjalin adalah resipi utama kepada kejayaan Malaysia memertahankan kemerdekaannya bak kata pepatah "Bulat air kerana pemetung, Bulat manusia kerana muafakat."

Perpaduan adalah proses penyatuan dari semua aspek fizikal, sosial, ekonomi dan politik. Perpaduan merupakan teras yang penting dalam memupuk keharmonian sosial, kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi. Warga Malaysia seharusnya berbangga menjadi rakyat dalam negara yang bebas merdeka dan berdaulat.

Dalam keghairahan kita melakar dan meraikan kejayaan, harus kita menyingkap lembaran sejarah untuk kita mengenang kembali segala jasa serta bakti pejuang dan pengorbanan pemimpin kita terdahulu. Segala pengorbanan, ranjau dan liku yang telah dihadapi dengan penuh tabah dan bersatu hati demi mempertahankan sebuah keharmonian dan kedaulatan negara.

Oleh yang demikian, atas semangat patriotisme yang tinggi, mari kita sama-sama zahirkan rasa kesyukuran atas penyatuan hati dan kekitaan yang kental sebagai bangsa Malaysia sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini. Ayuhlah kita laungkan kata-kata keramat **"MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA! MERDEKA!"**.



INILAH MALAYSIA

Hidup harmoni bersama

Rakyat Malaysia hidup bersatu padu dengan harmoni. Setiap peranan dan tanggungjawab digalas bersama dan setiap cabaran dihadapi secara muafakat dari dahulu hingga kini.



Menerima perbezaan

Kepelbagaian kaum tidak menjadi halangan kepada keutuhan masyarakat kerana setiap kaum dan keturunan saling menerima perbezaan masing-masing. Semua budaya, agama dan adat bebas diamalkan selagi tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Berkongsi cita rasa

Asimilasi pelbagai kaum telah melahirkan bahasa, budaya, makanan mahupun fesyen Malaysia tersendiri. Inilah cita rasa Malaysia yang dikongsi oleh semua setiap individu tanpa merasa janggal malah berbangga dengannya.

Bersemangat waja

Rakyat Malaysia berjiwa besar dan bersemangat waja. Perasaan cinta akan negara memberi daya ketahanan kepada jiwa yang sentiasa menjulang nama negara. Malaysia kita terkenal di seluruh negara.

Empati dan ikhlas

Setiap tindakan dan tugas digalas dengan penuh keikhlasan dan perikemanusiaan. Terkenal dengan sikap pemurah dan empati, rakyat Malaysia sentiasa turut berkongsi keperluan dan kesengsaraan yang dihadapi sesiapa sahaja.

Membangun secara lestari


Seluruh rakyat Malaysia sentiasa bergerak seiring dengan aspirasi nasional untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Setiap individu memainkan peranan progresif membangunkan negara tanpa mengenyepikan kelestarian alam dan biodiversiti yang indah.

Keutamaan dan keterangkuman

Kesejahteraan dan keselesaan setiap individu, tua ataupun muda, di bandar atau desa sentiasa menjadi keutamaan. Prasarana dipertingkatkan dan bebanan saraan hidup ditangani dengan tidak meminggirkan sesiapa.

Berdaulat dan demokrasi

Seluruh rakyat mengamalkan kesucian Perlembagaan dan menghormati keutamaan Yang di-Pertuan Agong. Demokrasi yang diamalkan menjanjikan hak setiap rakyat untuk mendapat kebajikan dan kesejahteraan yang saksama dalam menjalani kehidupan rakyat.



MALAYSIA PROGRESIF DI BAWAH TUJUH PEMIMPIN PENERAJU NEGARA

Negara sudah menikmati kemerdekaan selama 61 tahun dan sudah 55 tahun membentuk sebuah negara persekutuan yang berdaulat, aman dan makmur. Keamanan dan kemakmuran yang dikecapi kini adalah hasil daripada perjuangan dan keupayaan kepimpinan negara memacu Malaysia ke arah masa depan yang cemerlang yang didukung dan disokong oleh rakyat yang bersatu padu.

ERA TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ (31 OGOS 1957 – 21 SEPTEMBER 1970)

Sebagai "Bapa Kemerdekaan", Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj memainkan peranan penting dalam usaha beliau iaitu membebaskan negara daripada belenggu penjajah tanpa pertumpahan darah pada 1957 dan seterusnya pembentukan Malaysia pada 1963. Sumbangan paling besar Tunku adalah dalam proses mencapai kemerdekaan dan kejayaan menyatukan pelbagai kaum di negara ini yang mengamalkan agama, budaya dan bahasa yang berbeza.



Sepanjang pimpinannya, Tunku telah membawa pelbagai perubahan kepada Malaysia dengan merangka strategi pembangunan lima tahun bermula dengan Rancangan Malaya Pertama (RMK-1) pada 1956-1960 dan RMK-2 pada 1961-1965. Pelbagai aktiviti pemulihan dan penjana ekonomi telah dilaksanakan hinggalah kepada penubuhan institusi-institusi penjana pembangunan seperti Lembaga Kemajuan

Perindustrian Malaysia (MIDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Bumiputera dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Pelbagai dasar bagi membentuk identiti negara diperkenalkan seperti Dasar Pelajaran Kebangsaan (1956), Dasar Kebudayaan dan Akta Bahasa Kebangsaan (1963/67). Tunku juga telah membawa Malaysia ke arena antarabangsa dengan mengasaskan Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) pada 1961 yang kemudiannya membawa kepada Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN pada 1967. Beliau juga merupakan antara 25 pemimpin pengasas Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang dahulunya dikenali sebagai Pertubuhan Persidangan Islam. Penganjuran beberapa acara bertaraf antarabangsa seperti Pesta Bola Merdeka (1957) dan Musabaqah al-Quran (1961) menjadikan Malaysia dikenali di peringkat global. Tunku juga telah menggabungkan UMNO, MCA dan MIC di bawah Parti Perikatan yang kemudiannya dikenali sebagai parti Barisan Nasional.



ERA TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN (22 SEPTEMBER 1970 – 14 JANUARI 1976)



Tun Abdul Razak telah memfokuskan kepada empat perkara utama semasa pentadbiran beliau iaitu mengurangkan kadar kemiskinan, pengagihan ekonomi secara adil dan saksama, pendekatan praktikal untuk membina negara dan rakyat serta memastikan wujudnya keadilan sosial dalam kalangan rakyat. Tun Abdul Razak telah menggerakkan pembangunan Malaysia melalui Rancangan Pembangunan Luar Bandar (Buku Merah) serta agenda pembangunan ekonomi menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kejayaan cemerlang dalam menggerakkan pembangunan negara yang dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak membuatkan beliau dikenali sebagai 'Bapa Pembangunan Malaysia'.

Selain berjaya mempelbagaikan sumber ekonomi yang sebelum ini bergantung kepada pertanian dan galian, Tun Abdul Razak juga berjaya mengeratkan hubungan Malaysia dengan negara luar. Antaranya dengan menamatkan konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia serta menjadi pemimpin Asia Tenggara pertama menjalin hubungan dengan negara China.

ERA TUN HUSSEIN DATUK ONN **(15 JANUARI 1976 – 16 JULAI 1981)**



Tun Hussein Onn dikenali sebagai 'Bapa Perpaduan' kerana meletakkan faktor perpaduan nasional dalam setiap dasar dan pelan yang dirangka semasa pentadbirannya. Menyedari bahawa bahasa Melayu mampu menjadi elemen perpaduan pelbagai kaum, maka Tun Hussein Onn telah mengangkat Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan universiti. Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia turut dilaksanakan dalam bahasa Melayu bermula 1980. Sebagai seorang yang menitikberatkan pencapaian pendidikan

sebagai faktor utama untuk meningkatkan taraf hidup; beliau telah memperbanyakkan penubuhan sekolah teknik dan vokasional untuk menghasilkan tenaga kerja yang mahir bagi industri pembuatan.

Tun Hussein Onn juga berusaha mengekalkan momentum pembangunan ekonomi dengan memberi nafas baharu kepada DEB. Antara usaha yang dilaksanakan termasuklah memperkenalkan Skim Amanah Saham Nasional khusus untuk memperluaskan lagi pegangan hak milik harta dan pemilikan saham oleh kaum bumiputera yang agak ketinggalan pada ketika itu.



ERA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD (16 JULAI 1981 – 31 OKTOBER 2003)

Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang dikenali sebagai 'Bapa Pemodenan' telah berjaya mengangkat martabat Malaysia menjadi sebuah negara berdaya maju dan disegani oleh masyarakat antarabangsa melalui pelbagai dasar dan projek pembangunan berprofil tinggi. Sebagai seorang yang berpendangan jauh dan berwawasan, Tun Dr. Mahathir telah memperkenalkan dasar-dasar yang progresif yang telah mengubah landskap ekonomi daripada negara pengguna kepada



negara pengeluar. Antara dasar-dasar yang diperkenalkan adalah Dasar Pandang Ke Timur, Kempen Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Persyarikatan Malaysia, Dasar Penswastaan dan Dasar Perindustrian Negara.

Tun Dr. Mahathir juga telah membina landasan yang teguh untuk Malaysia mengorak langkah menuju negara maju dan berpendapatan tinggi seperti yang termaktub dalam visi falsafah Wawasan 2020 yang dilancarkannya pada 1990. Mercu tanda seperti Litar Formula 1 Sepang, Pelancaran Dasar Perindustrian Negara yang mana menyaksikan kewujudan Industri Automobil Negara (Proton pada 1985), Koridor Raya Multimedia (MSC pada 1996), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Menara Berkembar Petronas, Jambatan Pulau Pinang, Menara Kuala Lumpur dan Pusat Pentadbiran Putrajaya adalah antara usaha beliau ke arah menjadikan Malaysia maju dan rakyatnya hidup dalam kesejahteraan serta mempunyai taraf hidup yang tinggi.

ERA TUN ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI (31 OKTOBER 2003 – 2 APRIL 2009)

Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi telah meneruskan kesinambungan usaha-usaha membangunkan Malaysia menjadi negara maju selaras dengan falsafah Wawasan 2020 serta berpaksikan prinsip Islam Hadhari.

Tun Abdullah memberi perhatian khusus kepada usaha pencegahan rasuah dengan menubuhkan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia serta melakukan penstrukturan semula Badan Pencegahan Rasuah menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Beliau turut melancarkan Pelan Integriti Nasional bagi memperkasa perkhidmatan awam yang bertaraf dunia.



Dasar Bioteknologi Nasional, Dasar Automotif Nasional dan Dasar Biofuel Nasional adalah antara dasar yang dilancarkan semasa pentadbiran beliau bagi meneroka bidang baharu. Pelancaran satelit RazakSAT dan penghantaran angkasawan pertama negara ke ISS pada 2007 merupakan kejayaan terbesar Malaysia dalam bidang aeroangkasa.

Rancangan Malaysia Ke-9 (2006–2010) yang merupakan fasa pertama dalam kerangka Misi Nasional diperkenalkan oleh Tun Abdullah bertujuan untuk memacu negara merealisasikan Wawasan 2020. Penekanan diberikan dalam pembangunan modal insan berintelekt tinggi, berkeperibadian mulia dan kekuatan moral dalam usaha memupuk 'minda kelas pertama' sebagai penggerak kemajuan negara. Revolusi yang dibawa oleh Tun Abdullah dalam bidang pembangunan modal insan negara melayakkan beliau digelar 'Bapa Pembangunan Modal Insan'.

ERA DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK (3 APRIL 2009 – 7 APRIL 2018)

Kepimpinan Dato' Sri Mohd Najib terserlah menerusi pelbagai program transformasi yang dibawanya sejak mengambil alih tampuk pemerintahan negara. Menyedari negara sedang melalui satu fasa penting iaitu perlu keluar daripada status ekonomi berpendapatan sederhana, penekanan yang telah dilaksanakan oleh Dato' Sri Najib melibatkan segenap aspek agar hasrat kita untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dapat direalisasikan.



Slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' sebagai prinsip Gagasan 1Malaysia menjadi teras program transformasi yang dilaksanakan.

Antara program transformasi yang dilaksanakan ialah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang menekankan tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang berteraskan 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) dan Model Baru Ekonomi (MEB). Kejayaan ini melayakkan beliau diberi gelaran 'Bapa Transformasi'.

Meneruskan legasi pentadbiran cemerlang pemimpin terdahulu, beliau terus memperluas dan mengeratkan hubungan dua hala dengan pelbagai negara dunia dan juga serantau. Pelbagai perjanjian dan persefahaman telah ditandatangani dalam pelbagai bidang dengan memberi penekanan kepada prinsip dasar berkecuali, berbaik-baik dan wasatiyyah. Salah satu kejayaan di bawah era pentadbiran Dato' Sri Najib Mohd ialah Malaysia telah berjaya merealisasikan perjanjian keamanan di Selatan Filipina.

ERA TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD (10 MEI 2018 – KINI)

Tahun 2018, menyaksikan sejarah politik Malaysia mengalami perubahan yang besar, Kerajaan Pakatan Harapan telah Berjaya membentuk kerajaan baharu mengambil alih daripada kerajaan Barisan Nasional.

Dengan kejayaan ini juga, Tun Dr. Mahathir sekali lagi dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke tujuh pada usianya mencapai 93 tahun.

Usia bukan satu kekangan, Tun Dr. Mahathir terus menunjukkan kewibawaan dan ketokohnya yang cemerlang dalam menerajui Malaysia baharu.

Beliau berazam untuk memperbetulkan segala kepincangan yang berlaku terutama menghapuskan budaya rasuah.

Selain itu, untuk memastikan ekonomi negara terus bergerak maju di landasan yang betul dan selari dengan perkembangan ekonomi dunia.

Tun Dr. Mahathir bersama-sama dengan barisan Jemaah Menteri yang baharu juga berazam akan memberi fokus utama dalam memperkenalkan hal-ehwal semasa sosial, pendidikan, kesihatan, keselamatan dalam negara, pertanian, pengangkutan, hubungan antarabangsa dan pelbagai lagi. Yang penting, kebajikan, kesejahteraan dan keadilan kepada semua rakyat itu terpelihara dan diutamakan.





Selamat Menyambut Hari
Kebangsaan 2018

TEMA DAN RASIONAL LOGO

"Sayangi Malaysiaku" menekankan kepentingan perpaduan dan semangat cintakan negara bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara tanpa mengira perbezaan kaum, agama, bangsa dan fahaman politik.

Sayangi Malaysiaku



Logo ini menggambarkan simbol tiga orang melakukan gerakan riang mengangkat tangan, dengan satu bentuk hati di hadapan yang menyatukan ketiga-tiga orang itu.

Logo ini membawa maksud warganegara Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa hidup dalam kepelbagaian, harmoni, seia sekata, bersatu-padu dan terpacat perasaan kasih sayang yang kukuh kepada negara Malaysia. Penggunaan warna-warna adalah berdasarkan Jalur Gemilang iaitu merah, biru, putih dan kuning yang membawa maksudnya tersendiri.

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2018

Pelbagai program dan acara yang menarik telah diatur bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun 2018 ke arah menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan cintakan Negara di kalangan rakyat Malaysia. Antara program utama yang akan dilaksanakan ialah :-

Pelancaran Kibar Jalur Gemilang

Tarikh: 4 Ogos 2018 (Sabtu) 8.00 malam

Lokasi: Esplanade, Padang Kota Lama, Pulau Pinang

Tetamu Kehormat : YAB Perdana Menteri

Acara ini diadakan sebagai menandakan bermulanya Sambutan Hari Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang secara besar-besaran sehingga 16 September 2018.

Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2018

Tarikh: 31 Ogos 2018 (Jumaat) 7.00 pagi

Lokasi: Dataran Putrajaya

Tetamu Kehormat : Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda YDP Agong XV Sultan Muhammad V

Acara kemuncak ini diadakan bagi menunjukkan kejayaan-kejayaan negara melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain.

Sambutan Hari Malaysia

Tarikh: 16 September 2018 (Ahad) 8.00 malam

Lokasi: Kota Kinabalu, Sabah

Tetamu Kehormat: YAB Perdana Menteri

Acara ini merupakan acara istimewa sebagai meraikan pembentukan Malaysia dengan penyertaan Sabah dan Sarawak.

KITA PUNYA MALAYSIA

31 Bulan 8, 57

Perjuangkan pertahankan tanah airku

Impian aku gemilang baru

Satu suara laungkan (Merdeka)

Bangkit semua demi negara

Selamanya

Kita Merdeka

Sayangi Malaysiaku

Sayangi Malaysiaku

Tanah Airku (Ini Kita Punya)

Sayangi Malaysiaku

Sayangi Malaysia

Satu Suara Laungkan (Merdeka)



Jangan lemah bangunlah

Buat baru semula

Percayalah hari ini

Kita punya

Impian aku gemilang baru

Satu suara laungkan (Merdeka)

Bangkit semua demi negara

Selamanya

Nyanyian : Kumpulan Bunkface





Sayangi M

PELAN
BALAN
VALU

DIRASMA



Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama Jemaah Menteri pada Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2018 di Padang Kota Lama, Pulau Pinang pada 4 Ogos 2018.

BENDERAKU

Bendera ku yang gagah perkasa
Merah putih kuning biru warnanya
Berkibar megah penuh bercahaya
Pusaka kita rakyat Malaysia

Bendera Malaysia oh bendera ku
Ku pertahankan sepenuh raga ku
Dikaulah lambang negara berpadu
Di bawah naungan Duli Tuanku

Berkibar terus oh bendera ku
Kau kan ku junjung sepanjang waktu
Harumlah nama negara yang tercinta
Pada mu tempat taat dan setia
Bendera Malaysia bendera kita
Kemegahan rakyat kita semua
Berkibar berkibar di ruang angkasa
Dirgahayu bendera tercinta.

Komposer/Lirik/Lagu: Tony Fonseca



JALUR GEMILANG

Merah mu bara semangat waja
Putih mu bersih budi pekerti
Kuning berdaulat payung negara
Biru perpaduan kami semua

Puncak dunia telah kau tawan
Lautan luas telah kau redah
Membawa semangat jiwa merdeka
Semarak Jaya kami warganya

Empat belas melintang jalurnya
Semua negeri dalam Malaysia
Satu suara satu semangat
Itu sumpah warga berdaulat

Jalur gemilang di bawah naungan mu
Jalur gemilang kami semua bersatu
Perpaduan ketaatan
Amalan murni rakyat Malaysia

Jalur gemilang megah kami terasa
Jalur gemilang kibarkanlah wawasan
Merah putih biru kuning
Jalur semangat kami semua

Berkibarlah Berkibarlah Berkibarlah
Jalur gemilang

Komposer/Lirik/Lagu : Pak Ngah & Siso Koprata

JOM KIBARKAN JALUR GEMILANG

Marilah semarakkan kemerdekaan ini dengan mengibar dan menaikkan Jalur Gemilang di seluruh Negara. Bendera melambangkan kedaulatan, penghormatan, martabat dan kewarganegaraan bagi sesebuah negara. Mengibarkan bendera sudah sinonim bagi setiap negara yang menyambut Hari Kebangsaan. Bagi Malaysia, bendera yang dinamakan Jalur Gemilang (1997) sentiasa dikibarkan megah terutamanya apabila tibanya bulan sambutan Hari Kebangsaan bagi menzahirkan rasa cinta, taat setia dan bangga rakyatnya terhadap negara.

Jalur Gemilang

Bendera rasmi Malaysia merupakan rekaan Mohamed Hamzah, bekas Arkitek Jabatan Kerja Raya Johor yang telah mendapat majoriti dan perkenan dalam mesyuarat Raja-raja pada 22 dan 25 Februari 1950. Walau bagaimanapun, reka bentuk bendera tersebut telah dibuat beberapa pindaan iaitu bulan sabit dan bintang yang pada awalnya berwarna putih diganti dengan warna kuning bagi melambangkan warna diraja.

Pada 26 Mei 1950, buat pertama kalinya bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dikibarkan di hadapan Istana Sultan Selangor di Kuala Lumpur. Nama Jalur Gemilang diilhamkan oleh Tuan Haji Md. Rebutan @Md. Redzuan Bin Tumin, pegawai dari Jabatan Muzium Antikuiti. Pada 9 Julai 1997, Jemaah Menteri telah bersetuju bendera Malaysia diberi nama "Jalur Gemilang". Perisytiharan nama Jalur Gemilang telah diadakan pada 30 Ogos 1997, jam 11.58 malam bersempena Hari Kemerdekaan negara yang ke-40 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Bendera Malaysia mempunyai 14 jalur iaitu warna merah dan putih yang sama lebar, bermula dengan jalur merah di bahagian atas dan berakhir dengan jalur putih di bahagian bawah. Jalur bendera Malaysia melambangkan satu haluan yang lurus, hala tuju dan arah yang sama untuk diikuti oleh rakyat negara ini dalam menuju kegemilangan bangsa dan negara. Jalur Gemilang ini mewakili 13 buah negeri dan satu jalur mewakili Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Gemilang pula membawa maksud cahaya yang terang-benderang dan kecemerlangan. Dalam erti kata lain melambangkan kecemerlangan negara dan rakyat Malaysia dalam mengharungi suasana kehidupan dengan penuh gigih, taat, setia, bersatu-padu dan sentiasa berusaha untuk menaikkan imej negara di dalam dan luar Negara.

Warna biru tua di sebelah kiri melambangkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum. Warna kuning pada lambang anak bulan dan bintang bermaksud kedaulatan Raja Berperlembagaan. Lambang anak bulan membawa maksud Islam sebagai agama rasmi dan bintang pecah 14 menunjukkan perpaduan 13 buah negeri dan kerajaan persekutuan.

Merah melambangkan keberanian dan putih melambangkan kesucian, keikhlasan dan kesungguhan bagi mempertingkatkan ketahanan rakyat yang beradab dan berkeperibadian Malaysia.



MALAYSIA DI PERSADA ANTARABANGSA

Malaysia sentiasa memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa dengan mempromosi keamanan, kesederhanaan, keadilan dan keselamatan sejagat. Lantaran, Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila dilantik sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi penggal 2015-2016.

Malaysia pernah menjadi Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB sebanyak tiga kali iaitu 1965, 1989 hingga 1990 dan 1999 hingga 2000. Kejayaan Malaysia itu merupakan satu keistimewaan dan penghormatan yang tinggi bagi negara. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk terlibat secara langsung dalam usaha memelihara keamanan dan keselamatan sejagat di samping dapat mengetengahkan nilai-nilai seperti kesederhanaan yang diperjuangkan oleh negara.

Malaysia berada di kedudukan ke-18 daripada 140 negara dalam Laporan Daya Saing Global Forum Ekonomi Dunia 2015-2016 dan yang kesembilan di dunia dalam Pembangunan Pasaran Kewangan. Kedudukan ini mengesahkan kemajuan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan dalam meningkatkan kecekapan dan daya saing negara melalui pelbagai program pembangunan ekonomi dan sosial.

KRONOLOGI KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

27 JULAI 1955

Pilihanraya Persekutuan pertama diadakan. (UMNO telah mengadakan kerjasama dengan MCA (yang ditubuhkan pada 27 Februari 1949) dan MIC (ditubuhkan pada Ogos 1946)

10 OGOS 1955

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membentuk Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dianggotai oleh 6 wakil Melayu, 3 wakil Cina dan 2 wakil India.

18 JANUARI – 6 FEBRUARI 1955

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengetuai rombongan merundingkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di London.

8 FEBRUARI 1956

Perjanjian Merdeka telah dimaterai dengan menetapkan tarikh 13 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

20 FEBRUARI 1956

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah membuat Pengisytiharan tarikh kemerdekaan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka.

21 MAC 1956

Suruhanjaya Perlembagaan Reid, sebuah suruhanjaya bebas telah dibentuk untuk mengkaji dan mengubahsuai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

28 – 29 DISEMBER 1955


Komitmen Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menyelesaikan ancaman anasir komunis di Tanah Melayu. Rundingan Baling diadakan pada 28-29 Disember 1955 bersama Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM).

30 OGOS 1957

Detik 12.00 tengah malam, bendera "Union Jack" diturunkan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad dan diganti dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu tanda negara mencapai kemerdekaan.

31 OGOS 1957

Pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.



PENUBUHAN MALAYSIA

27 MEI 1961

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menegaskan tentang perlunya diwujudkan satu rancangan untuk membawa Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak ke dalam satu bentuk kerjasama politik semasa Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura.

23 JULAI 1961

Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Cawangan Tanah Melayu dan Borneo di Singapura telah menubuhkan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia dipengerusikan oleh Donald Stephen.

6 & 7 JANUARI 1962

Mesyuarat ketiga Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di 'Selangor Legislative Assembly Chamber', Kuala Lumpur.

17 JANUARI 1962

Suruhanjaya Cobbold telah ditubuhkan bagi meninjau pandangan penduduk negeri-negeri di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Suruhanjaya dianggotai oleh lima orang ahli iaitu Lord Cobbold, Dato' Wong Pow Nee, Encik Mohd Ghazali Shafie, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherson, Mr. H. Harris sebagai Setiausaha.

3 & 4 FEBRUARI 1962

Mesyuarat keempat Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia.

21 JUN 1962

Laporan Suruhanjaya Cobbold telah disiapkan dan dikemukakan kepada kerajaan British dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

JULAI 1962

Kata sepakat dicapai antara Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dengan Sir Harold MacMillan, Perdana Menteri British untuk mengadakan rundingan mengenai penubuhan Malaysia.

9 JULAI 1963

Perjanjian penting telah ditandatangani di Pejabat Perhubungan Komanwel di Malborough House, London. Perjanjian Penubuhan Persekutuan Malaysia telah ditandatangani oleh wakil-wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura.

22 JULAI 1963

Sarawak mencapai kemerdekaan.

31 OGOS 1963

Sabah (Borneo Utara) telah mencapai kemerdekaan.

16 SEPTEMBER 1963

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan penubuhan Malaysia di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Kejayaan ini dicapai selepas laporan rombongan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disiapkan pada 14 September 1963. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman di hadapan lebih kurang 30,000 rakyat Malaysia.

Dengan adanya perpaduan
kejayaan dapat dicapai



PATRIOTIK MERDEKA

MERDEKA BUMIKU MALAYSIA

BUMI yang kita pijak ini bumi kita
Begitu jugalah langit yang kita junjung
Biarpun kita berasa ada yang tak kena
Dan kerananya kita sedih dan murung
Namun apa daya
Kerana di bumi inilah kita berlindung
Dan di sinilah kita menabur jasa
Dengan harapan menuai bahagia
Kerana hujan emas di negeri orang
Hujan batu di negeri sendiri
Lebih baik di negeri sendiri
Maka keranamu dan untukmu Malaysia
Kami kibarkan bendera
Diiringi teriakan merdeka, merdeka, merdeka!

NUKILAN: A KADIR JASIN



CERITERA DARIPADA ANAK MERDEKA

Semalam
Anak merdeka bercerita
Tentang kemerdekaan yang digenggam
Negara nan makmur dan aman
Mengerahkan tenaga mahsyul
Kepersada antarabangsa
Mampu bersaing dengan negara-negara lain
Jenama kita warisan kita
Mendapat tempat di hati dunia

Hari ini
Kemajuan terus kelangit terbuka
Bercerita tentang globalisasi dan
teknologi maklumat
budaya bangsa tetap terpelihara

Esok
Anak merdeka berharap
jati diri terus diperkasa
kemajuan tidak meleakakan
bahkan mekar di jambangan negara maju
untuk mengisi sejarah Negara

NUKILAN: A.HAMID JEMAIN

INGATAN BUAT WARGA MERDEKA

Saban 31 Ogos laungan keramat merdeka
berkumandang di ruang negara

Saban 31 Ogos laungan merdeka
merdeka jiwa dan fikiran

Saban 31 Ogos laungan merdeka
warga baru tak pasti sejarah silam

Saban 31 Ogos laungan merdeka
merdeka berwajah tanpa penghayatan

Kemerdekaan tanpa penghayatan
rapuh jati dirimu dah diterjah anasir

Warga merdeka jangan leka
dengan kemajuan yang memukau

Warga merdeka pertahankan
dari dijajah sekali lagi

NUKILAN: A.HAMID JEMAIN



RUMAH MERDEKA

Rumah merdeka ini
adalah cinta jati diri
di sini terbina jana kebangsaan
betapa perlu dipelihara
agar lamanya indah berseri
mengamit pelancong
segala jatuh cinta padanya

Rumah merdeka ini
Marilah kita pelihara
Panorama kebersihannya
Warisan silamnya
Budaya yang menjadi kebangsaan
Agar terus berada di singgah sana
Cinta perpaduan
Makmur sayang
Di tanah bertuah

NUKILAN: A.HAMID JEMAIN

SEMAKIN BERUSIA

Ketahuilah di hadapan kita
sebuah pemandangan indah
penuh sejarahnya sendiri
itulah negara kita Malaysia
yang tak diduga berdiri gagah
yang di cemburui mata dunia.

Kiranya semakin berusia
separuh abad sudah lamanya
hitunglah dari 1957 hingga 2007
hari ini jubli emas namanya
tidakkan kalian bangga?
50 tahun bukan nya muda
tapi matang segalanya
patinya amat berharga
harganya juga amat mahal
siapa berani menyunting?

NUKILAN: MUSALMAH MESRA

SUMBER : - BUKU EPILOG SAJAK MERDEKA







" Dalam masa kita masih mengimbau masa lalu, kita melihat masa depan dengan penuh kepercayaan dan harapan. Mulai saat ini kitalah penentu takdir kita, dan kebajikan tanah air tercinta ini adalah tanggungjawab kita sendiri. Jangan sesiapa pun beranggapan bahawa kita sudah sampai ke penghujung jalan. Kemerdekaan itu sememangnya suatu kejayaan, tetapi ia hanya permulaan kepada usaha yang lebih besar untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat. Kini, dengan penuh takzim saya menyeru kepada semua rakyat untuk sama-sama berbakti berkhidmat kepada Negara Malaya yang baharu, untuk bekerja dan berusaha sedaya upaya menggembelng tenaga dan fikiran untuk membentuk negara bangsa yang baharu, berilhamkan prinsip keadilan dan kebebasan sebagai cahaya yang menerangi dunia yang penuh kekacauan dan gangguan."



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Ketika mengisytiharkan Kemerdekaan Tanah Melayu
Di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957



KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA



JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

Diterbitkan Oleh
Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Laman Web : www.penerangan.gov.my
Portal : pmr.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my

B.003 (B.M) OGOS 2018 (024.)
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO: MY – AR 5240



(SILA IMBAS DI SINI)